

Gaji minimum pekerja tetap GLC, GLIC RM1,500

PM mahu swasta
contohi inisiatif
bagi bantu atasi
kos sara hidup

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
dan Al Zahrin Alias
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menegaskan kerajaan komited memastikan pekerja tetap syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dibayar gaji sekurang-kurangnya RM1,500 sebulan dan berharap ia dicontohi pihak swasta bagi membantu pekerja menangani cabaran kos sara hidup.

Perdana Menteri berkata, kerajaan komited pastikan perkara itu memandangkan sebelum ini sudah memastikan penjawat awam menerima gaji dan elaun dalam jumlah minimum berkenaan.

"Kerajaan prihatin atas cabaran kos sara hidup yang dihadapi rakyat. Tahap pendapatan mini-

mum ini wajar diamalkan oleh sektor swasta bagi membantu pekerja menangani cabaran kos sara hidup, terutama bagi pekerja yang berpendapatan rendah," katanya berucap menyempurnakan Hari Terbuka GLC 2022 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, di sini, semalam.

Pada majlis turut dihadiri Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz itu, Ismail Sabri juga meminta GLC tersenarai mencapai penyertaan sekurang-kurangnya 30 peratus wanita sebagai ahli lembaga pengarah menjelang mesyuarat agung tahunan pada 2023.

Katanya, inisiatif itu penting dalam mengiktiraf peranan wanita sebagai pemimpin dan penyumbang penting kemajuan sosioekonomi dan kemakmuran negara.

"Saya juga ingin menyarankan GLC dan GLIC supaya mempunyai sasaran jangka masa sederhana dan sasaran *net zero carbon* menjelang 2050 dalam merealisasikan objektif Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

"Kerajaan berharap pengumu-

man dasar ini akan memberi manfaat dan kesejahteraan berterusan kepada Keluarga Malaysia," katanya.

Menegaskan peranan GLC dan GLIC penting dalam mencapai visi negara berpendapatan tinggi pada 2025, beliau berkata, pembabitan GLC dalam perkhidmatan asas seperti bekalan tenaga, petrol, air, logistik dan telekomunikasi membolehkan negara mempelbagaikan ekonomi.

"Daripada berasaskan pertanian serta sumber asli kepada sektor perindustrian dan berteraskan teknologi seperti semikonduktor. Bahkan ini menjadi benteng kita terhadap krisis kewangan Asia 1997-1998 dan krisis kewangan global pada 2008.

"GLC dan GLIC juga berperanan penting membangun dan mempertahankan kemajuan sosioekonomi negara," katanya.

Ismail Sabri berkata, syarikat seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Khazanah Nasional dan PETRONAS banyak membantu negara membina infrastruktur kritikal serta mencapai aspirasinya.

Perdana Menteri berkata, GLC dan GLIC menyumbang kira-kira RM445 bilion atau 25 peratus per-

modalan pasaran Bursa Malaysia, memberi pekerjaan langsung kepada setengah juta Keluarga Malaysia dan penyumbang terpenting dalam rantaian bekalan negara.

"Ia juga penting bagi mencapai aspirasi negara maju melalui RMK-12 dalam pembangunan sosioekonomi negara dan keperluan menyusun semula dasar kerajaan bagi meningkatkan daya tahan rakyat serta daya saing Malaysia di pentas dunia.

"RMK-12 menggambarkan peranan GLC dan GLIC yang diperkukuh dalam usaha memperluas pasaran eksport, membantu komuniti perusahaan dan menceburi sektor strategik yang baharu seperti Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) berteraskan penggunaan data raya dan analisis data," katanya.

Perdana Menteri berkata, peranan GLC dan GLIC turut membabitkan pelan strategik termasuk pelaksanaan program bimbingan kepada pengamal profesional kecil dan sederhana (PPKS) dalam sektor perkhidmatan.

"Selain itu, mereka berperanan dalam perluasan model perniagaan inklusif yang menggalakkan pembabitan perusahaan

mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dalam rantaian bekalan GLC serta pembiayaan dan pelaburan hijau untuk projek pembangunan mampan dan mesra iklim, termasuk melalui kerjasama awam swasta.

"GLC turut menjadi antara pemacu utama dalam menjayakan pelbagai inisiatif kerajaan melalui Bajet 2022 seperti Jamin-Kerja Keluarga Malaysia bernilai RM4.8 bilion dan program SemarakNiaga Keluarga Malaysia bernilai RM40 bilion," katanya.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, Rangkaian Tindak Balas Bencana GLC dan GLIC kini dikenali sebagai GLC Demi Rakyat dan Negara (GDRN), merangkumi skop yang diperluaskan daripada Jalinan Kemanusiaan sedia ada kepada Jalinan Ilmu dan Jalinan Sejahtera.

"Jalinan Ilmu merangkumi biasiswa, peluang dan akses pendidikan serta pembangunan kemahiran insan, manakala Jalinan Sejahtera mengutamakan pembinaan kehidupan dari segi menjana pendapatan, membina kemahiran vokasional dan ilmu pengurusan kewangan, serta memastikan kesejahteraan kesihatan dan alam sekitar," katanya.



Ismail Sabri melawat ruang pameran Khazanah Nasional selepas merasmikan simbolik perasmian Hari Terbuka GLC 2022 di Pusat Konvensyen Center Kuala Lumpur, semalam. (Foto Hazreen Mohamad /BH)